

**ABIM 1971-2004: KEPIMPINAN, PERJUANGAN
DAN PEMIKIRAN**

MOHD AZHAR BIN BAHARI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2012

**ABIM 1971-2004: KEPIMPINAN, PERJUANGAN DAN
PEMIKIRAN**

Oleh

MOHD AZHAR BIN BAHARI

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sejarah Malaysia.**

FEBRUARI 2012

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

FEBRUARI 2012

MOHD AZHAR BIN BAHARI
P-OD0006/07 (R)
650517-08-6033

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNYA saya telah dapat menyempurnakan kajian ini untuk dikemukakan sebagai tesis Doktor Falsafah dalam bidang sejarah.

Dengan penuh rasa syukur dan tulus ikhlas, saya dengan sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Hj. Ishak bin Saat dan Profesor Madya Dr.Hj. Mohd Isa bin Othman selaku penyelia yang begitu gigih menyelia tesis Doktor Falsafah ini. Segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan dengan penuh dedikasi serta meluangkan masa yang banyak tanpa rasa jemu dalam proses menyelesaikan tesis sejarah ini.

Pertemuan dan perbincangan yang kerap dengan kedua- dua penyelia, telah memberikan motivasi yang amat tinggi kepada penyelidik. Malah dengan dorongan kedua-dua penyelia tersebut, penyelidik telah berjaya membentangkan hasil kajiannya pada peringkat nasional dan internasional. Makalah pertama telah dibentangkan di Beijing Foreign Studies University (3 Jun 2009), kedua di IAIN Sumatera Utara Medan (27 Julai 2009) dan di Universiti Muhammadiyah, Makasar (29 Mac 2010). Pada peringkat nasional penyelidik telah membentangkan makalah di Kolokium Siswazah USM (24 Oktober 2009) dan Di Seminar Warisan Kedah (12 Mac 2009). Penyelidik juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah memberikan biasiswa untuk kemudahan cuti belajar selama tiga tahun bagi membuat kajian ini. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada pihak USM yang telah meluluskan Geran Penyelidikan yang membolehkan saya membuat penyelidikan pembentangan di dalam dan luar negara.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pegawai arkib ABIM Pusat, Pn. Fathiyah yang memberikan kerjasama yang tinggi dalam mendapat dokumen-dokumen, minit-minit mesyuarat, laporan-laporan tahunan serta surat-surat penting bagi kajian sejarah ABIM dari tahun 1971-2004. Terima kasih juga kepada semua

kakitangan akademik dan pengurusan PPPJJ-USM dan IPS-USM yang memberikan sokongan bagi menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang telah saya temubual bagi mendapatkan maklumat sumber lisan. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan Tesis Doktor Falsafah yang berjudul ABIM 1971-2004: Kepimpinan, Perjuangan dan Pemikiran.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada isteriku tersayang Noor Adillah Binti Osman serta anak-anak Anwar Naim, Ummi Izzati, Aimi Afiqah, Asyraf Siddiq, Muhammad Adib dan Muhammad Muaz yang amat memahami kesibukan penyelidik ketika menyiapkan tesis ini. Semoga kejayaan ini memberikan motivasi buat anak-anak tersayang

MOHD AZHAR BAHARI
650517-08-6033

ISI KANDUNGAN

<i>PERKARA</i>	<i>MUKASURAT</i>
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI PETA	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Kajian Lepas	7
1.5 Methodologi Kajian	26
1.6 Kajian Sumber Pertama	27
1.7 Kajian Sumber Kedua	29
BAB 2	
LATAR BELAKANG SEJARAH PENUBUHAN ABIM	
2.1 Pendahuluan	31
2.2 Faktor-Faktor Penubuhan ABIM	39
2.3 Sejarah Awal ABIM Di Bawah Akta Pertubuhan (ROS)	43
2.4 Cabaran Awal Penubuhan ABIM	46

2.5 Matlamat Penubuhan ABIM	56
2.6 Organisasi Pentadbiran ABIM	60
2.7 Visi Dan Misi Dakwah ABIM	63
2.7.1 Pembinaan Sahsiah Islamiah	65
2.7.2 Pembinaan Keluarga Islamiah	66
2.7.3 Pembinaan Ummah Islamiah	67
2.7.4 Pembinaan Negara Islamiah (<i>Daulah Islamiah</i>)	69
2.7.5 Pembinaan Dunia Islam Dan <i>Khalifah Islamiah</i>	71
2.8 Modul Utama Dakwah ABIM	72
2.8.1 Program Usrah Dan Tamrin (Kursus Kepimpinan)	74
2.8.2 Program Pendidikan	80
2.8.3 Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI) ABIM	84
2.8.4 Sekolah Rendah Islam (SERI)	90
2.8.5 Sekolah Menengah Islam (SEMI)	92
2.8.6 Institusi Pengajian Tinggi	94
2.8.7 Program Ekonomi	96
2.8.8 Media Dakwah ABIM	99
2.9 ABIM: Hubungan Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Dari Dalam Negara	104

BAB 3

KEPIMPINAN ABIM: PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN

3.1 Kepimpinan Islam	108
3.2 Kepimpinan ABIM: Perjuangan Dan Pemikiran	110
3.3 Konsep Kepimpinan Dalam Islam	112
3.4 Prinsip Kepimpinan Dalam Daulah	112
3.5 Pembinaan Fikrah Kepimpinan ABIM	115
3.6 Perlantikan Dan Bai'ah Kepimpinan	119
3.7 Presiden ABIM Pertama: Razali Nawawi (1972-1974)	120
3.7.1 Latar Belakang	120
3.7.2 Dasar Perjuangan	121
3.7.3 Pemikiran Perjuangan Razali Nawawi	124

3.8 Presiden ABIM Kedua: Anwar Ibrahim (1974-1981)	127
3.8.1 Latar Belakang	127
3.8.2 Anwar Ibrahim: Penglibatan Dalam ABIM	128
3.8.3 Perjuangan Dan Pemikiran Anwar Ibrahim (1974-1981)	130
3.9 Fadhil Mohd Noor (Pemangku Presiden) 1972-1978.	136
3.9.1 Latar Belakang	136
3.9.2 Dasar Perjuangan Fadhil Mohd Noor	138
3.9.3 Pemikiran Perjuangan Fadhil Mohd Noor	140
3.10 Presiden ABIM Ketiga: Siddiq Fadhil (1982-1991)	142
3.10.1 Latar Belakang	142
3.10.2 Dasar Perjuangan Siddiq Fadhil	143
3.10.3 Pemikiran Dan Perjuangan Siddiq Fadhi	146
3.11 Presiden ABIM Keempat: Muhammad Nur Manuty (1991-1997)	151
3.11.1 Latar Belakang	151
3.11.2 Dasar Perjuangan Muhammad Manuty	152
3.11.3 Pemikiran Perjuangan Muhammad Nur Manuty	154
3.12 Presiden ABIM Kelima: Ahmad Azam Abd Rahman (1997-2005)	158
3.12.1 Latar Belakang	158
3.12.2 Dasar Perjuangan Ahmad Azam Abd.Rahman	159
3.12.3 Pemikiran Perjuangan Ahmad Azam Abd.Rahman	166
3.13 Perjuangan Dan Pemikiran ABIM: Berdasarkan Ucapan Dasar Presiden ABIM	172
3.14 Tema Ucapan Dasar Ketika Krisis Dalam ABIM	173
3.15 Persaudaraan Dalam Kepimpinan ABIM	174

BAB 4
ABIM: PEMIKIRAN POLITIK DAN PERANAN DALAM
MASYARAKAT MALAYSIA

4.1 ABIM: Politik Islam (<i>Siasah Islamiah</i>)	178
--	-----

4.2 Sistem Politik Islam	179
4.3 Politik Islam Dan Kepartaian	181
4.4 Islam dan Politik	183
4.5 Negara Islam	185
4.6 ABIM : <i>Non-Partisan</i>	
4.6.1 Pengertian <i>Non-Partisan</i>	187
4.6.2 Dasar Non-Partisan ABIM	188
4.6.3 Peruntukan 3.12 Perlembagaan ABIM	192
4.6.4 Hubungan ABIM Dengan Parti Politik	194
4.7 ABIM Dan Pilihanraya	203
4.7.1 Pilihanraya Umum (PRU) 1978	203
4.7.2 Pilihanraya Umum (PRU) 1990 dan 1995.	210
4.7.3 Pilihanraya Umum (PRU) 1999	217
4.7.4 Krisis Politik: Penyelesaian Selepas PRU 1999	223
4.8 Sikap ABIM Dan Kesan Non-Partisan	228
4.8.1 Media ABIM: Pengharaman <i>Risalah</i>	228
4.8.2 Ancaman Kerajaan Mengharamkan ABIM	230
4.8.3 Pindaan Akta Pertubuhan 1966 (Pindaan) 1981	232
4.8.4 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)	233
4.8.5 Kesan Kepada Ahli ABIM Terhadap <i>Non-Partisan</i>	235

BAB 5

MANHAJ MALIZIY: PENDEKATAN DAKWAH ABIM

5.1 <i>Manhaj Maliziy</i> : Aliran Sederhana Pendekatan Dakwah	242
5.2 ABIM: Konsep <i>Manhaj Maliziy</i>	243
5.3 Siddiq Fadhil: Pendekatan KeMalaysiaan (<i>Manhaj Maliziy</i>)	250
5.4 ABIM: Politik Akomodasi 1982-1998	255
5.5 ABIM: Politik Akomodasi Dalam Gerakan	257
5.6 ABIM: Kuasa Politik Ketiga	265

5.7 Dakwah Dan Tarbiyah: Keutamaan Dakwah Manhaj Maliziy	270
5.7.1 Visi Dan Misi Biro Tarbiyah ABIM Pusat	273
5.7.2 ABIM: Budaya Ilmu Memperkasa Model Pendidikan Islam	281

BAB 6

ABIM: KEPRIHATINAN TERHADAP UMAT ISLAM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

6.1 ABIM: <i>Harakah Islamiah</i>	301
6.2 ABIM: Pengaruh Pertubuhan Islam Luar Negara	302
6.3 ABIM: Gerakan Bersifat <i>Alamiah</i>	308
6.3.1 Masalah Umat Islam Di Luar Negara	310
6.4 Agensi ABIM Untuk Membela Umat Islam Di Dunia	313
6.4.1 Barisan Bertindak Rakyat Malaysia (MAR)	313
6.4.2 <i>Malaysian Relief Centre ABIM-Bosnia</i>	314
6.4.3 Misi Keamanan Sejagat (<i>Global Peace Mission</i>) GPM	315
6.4.4 Pusat Pendaftaran Rohingya ABIM-PPRA-UNCHCR	317
6.5 Umat Islam Di Palestin	319
6.6 Umat Islam Di Afghanistan	327
6.7 Umat Islam Di Bosnia Herzegovina	328
6.8 ABIM : Isu-Isu Global Umat Islam	335
6.9 Grup Pengkaji Tamadun Dunia (GPTD)	337

BAB 7

KESIMPULAN	340
-------------------	-----

BIBLIOGRAFI	354
--------------------	-----

LAMPIRAN	389
-----------------	-----

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADIL	Pergerakan Keadilan Sosial
AMAL	Agensi Bantuan Rakyat Malaysia
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
AS	Amerika Syarikat
ASASI	Akademi Sains Islam Malaysia
ATMA	Angkatan Tindakan Mahasiswa
BA	Barisan Alternatif
BBB	Badan Bertindak Bosnia
BN	Barisan Nasional
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
D&T	Dakwah & Tarbiyah
GERAK	Gerakan Keadilan Rakyat
GPMS	Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung
GPTD	Group Pengkaji Tamadun Dunia
GPM	<i>Global Peace Mission</i>
HAMAS	<i>Al-Harakah Al-Muqawamah Al-Islamiyyah</i>
ICE	<i>Islamic Council of Europe</i>
IPA	Institut Perguruan ABIM
IPI	Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam
IPU	Islam Penyelamat Ummah
IIIT	<i>International Institute of Islamic Thought</i>

IIFSO	<i>International Islamic Federation Student Organization</i>
ICE	<i>Islamic Council of Europe</i>
ISA	<i>Internal Security Act</i>
IRC	<i>Islamic Representative Council</i>
JIM	Jemaah Islah Malaysia
KBI	Koperasi Belia Islam Malaysia
KDH	Kolej Dar al-Hikmah
KeADILan	Parti Keadilan Nasional
KERAMKA	Kem Remaja Keluarga ABIM
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
LAPIM	Latihan Angkatan Pendakwah Islam Malaysia
MAHAMET	Presiden Persatuan Kebajikan Islam Bosnia
MASRI	<i>Malaysian Sociological Research Institute</i>
MAYC	<i>Malaysian Association of Youth Clubs</i>
MAF	<i>Malaysian Action Front</i>
MBM	Majlis Belia Malaysia
MCRA	<i>Malaysian Relief Centre –ABIM</i>
MKS	Misi Keamanan Sejagat
MRA	<i>Malaysian Relief Agency</i>
MST	Majlis Syura Tertinggi
MTK	Majlis Tarbiyah Kebangsaan
NGO	<i>Non Government Organization</i>
NYDP	Naib Yang Dipertua.
OIC	<i>Organizations Islamic Council</i>
PAS	Parti Islam Se-Malaysia

PMI	Persatuan Mahasiswa Islam
PSU	Penolong Setiausaha Agung
PBB	Petubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBS	Parti Bersatu Sabah
PBAB	Program Penajaan Anak-Anak Bosnia.
PEYATIM	Persatuan Anak Yatim Sarawak
PLO	<i>Palestine Liberation Organization</i>
PULO	<i>Pattani United Liberation Organization</i>
PPSMI	Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Matematik (Bahasa Inggeris)
PPRA	Pusat Pendaftaran Rohingya ABIM
PKR	Parti KeADILan Rakyat
RISEAP	<i>Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and The Pacific</i>
ROS	<i>Registration of Sociaty</i>
ROY	<i>Registration of Youth</i>
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SU	Setiausaha Agung
SERI	Sekolah Rendah Islam
SEMI	Sekolah Menengah Islam
TASKI	Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
UNHCR	<i>United Nation High Comissioner For Refugees</i>
WAMY	<i>Wold Assembly Of The Muslim Youth</i>
WADAH	Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
YDP	Yang Dipertua
YPU	Yayasan Pembangunan Ummah

SENARAI LAMPIRAN

PERKARA	MUKASURAT
LAMPIRAN A	
Jawatankuasa Penaja Rasmi ABIM 1971	396
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1972/1973	
LAMPIRAN B	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1973/1974	397
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1974/1975	
LAMPIRAN C	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1977/1979	398
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1979/1980	
LAMPIRAN D	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1981/1983	399
LAMPIRAN E	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1983/1985	400
LAMPIRAN F	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1985/1987	401
LAMPIRAN G	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1987/1989	402
LAMPIRAN H	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1989/1991	403
LAMPIRAN I	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1991/1993	404
LAMPIRAN J	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1993/1994	405
LAMPIRAN K	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1995/1997	406
LAMPIRAN L	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1997/1999	407
LAMPIRAN M	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 1999/2001	408

LAMPIRAN N	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 2001/2003	409
LAMPIRAN O	
Jawatankuasa Kerja Pusat ABIM 2003/2005	410
LAMPIRAN P	
Surat Prof. Ismail Faruqi Kepada Anwar Ibrahim (ABIM) dan Nakhaie (PAS)	411
LAMPIRAN Q	
Surat ABIM (Anwar Ibrahim) Kepada Prof. Ismail Faruqi	414
LAMPIRAN R	
Surat Dr.Mahatir kepada Prof. Ismail Faruqi	417
LAMPIRAN S	
Lima syarat Dr. Mahathir kepada ABIM.	419
LAMPIRAN T	
Pernyataan Dibawah Seksyen II (2) (6) Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Jawapan Pembelaan ABIM.	420
LAMPIRAN U	
Jawatankuasa Induk Tabung Bosnia (22 Ogos 1992)	430
LAMPIRAN V	
Organisasi Dan Pentadbiran Ma'had Al Ummah	431
LAMPIRAN W	
Gambar Kutipan Tabung Pelancaran Rohingya	432
SENARAI JADUAL	
JADUAL I	
Senarai Jawatankuasa Penaja (ABIM) 1971	47
JADUAL 2	
Jawatankuasa Penaja untuk Memenuhi Syarat-Syarat Pendaftaran Pertubuhan (ROS)	49
JADUAL 3	
Senarai Exco ABIM Pusat 1972	50
JADUAL 4	
Senarai Jawatankuasa ABIM Pusat	51

JADUAL 5 Senarai Jawatankuasa ABIM Pusat 1973/1974	52
JADUAL 6 Pimpinan ABIM Pusat Sesi 1976/1975	53
JADUAL 7 Senarai Pimpinan ABIM Pusat Sesi 1975/1976	54
JADUAL 8 Taburan Ahli Baru ABIM Ogos 2003-Julai 2004 Mengikut Negeri	80
JADUAL 9 Maklumat TASKI ABIM Di Seluruh Malaysia Tahun 2003	88
JADUAL 10 Maklumat TAHFIZ-SARA ABIM Di Seluruh Malaysia Tahun 2003	89
JADUAL 11 Maklumat Sekolah Rendah ABIM (SERI) Tahun 2003	92
JADUAL 12 Maklumat Sekolah Menengah Islam ABIM (SEMI) Tahun 2003.	94
JADUAL 13 Ketua-Ketua Biro Dakwah Tahun 1971-2003	276
JADUAL 14 Jawatankuasa Majlis Tarbiyyah Kebangsaan 2001/2003	278
JADUAL 15 Senarai Ahli Jawatankuasa Biro Pendidikan ABIM Pusat 1992/1993	288
 SENARAI GAMBAR	
GAMBAR 1 Razali Nawawi (Presiden ABIM Pertama)	390
GAMBAR 2 Anwar Ibrahim (Presiden ABIM Kedua)	391
GAMBAR 3 Fadzil Mohd Noor (Pemangku Presiden ABIM 1974)	392

GAMBAR 4 Siddiq Fadzil (Presiden ABIM Ketiga)	393
---	-----

GAMBAR 5 Muhammad Nur Manuty (Presiden ABIM Keempat)	394
--	-----

GAMBAR 6 Ahmad Azam Abd Rahman (Presiden ABIM Kelima)	395
---	-----

SENARAI PETA

PETA 1 Gerakan Dakwah ABIM Di Seluruh Dunia Melalui Agensi-Agensi ABIM	339
---	-----

ABIM 1971-2004: KEPIMPINAN, PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN

ABSTRAK

ABIM sebagai sebuah gerakan dakwah yang menyumbang kepada kebangkitan Islam di Malaysia. Sejak ABIM ditubuhkan secara sah pada tahun 1972, ABIM memainkan peranan yang cukup penting dalam perjuangan mengembalikan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Sejarah awal perjuangan ABIM yang dipenuhi dengan penuh cabaran dan halangan. Sejak tahun 1971 hingga 2004, ABIM telah dipimpin oleh lima orang presiden. Kepimpinan ABIM telah berjaya meletakkan Islam sebagai *ad-Din* iaitu Islam cara hidup yang menyeluruh. Para pemimpin ABIM sanggup dipenjarakan demi mempertahankan prinsip keadilan dan kebenaran. Perjuangan untuk membela agama dan membela nasib rakyat yang tertindas menjadi misi dakwah ABIM. Hampir 33 tahun atau tiga dekad ABIM menjadi gerakan dakwah yang memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Cabaran dan halangan dari luar dan dalam organisasi merupakan proses memantapkan gerakan dakwah ini dalam mencapai matlamat Islam. Idealisme perjuangan tetap dipertahankan walaupun pelbagai cabaran dan halangan terpaksa ditempuhi. Pengalaman-pengalaman dakwah yang diperolehi oleh ABIM, menyebabkan ABIM lebih matang dalam membuat keputusan demi kemaslahatan umat. Dasar *Non-Partisan* ABIM terhadap isu-isu politik dan pendekatan dakwah *Manhaj Maliziy* menyebabkan ABIM lebih yakin terhadap pendekatan dakwah dan tarbiyah yang didokong sejak penubuhannya.

Perjuangan dan Pemikiran ABIM dalam tempuh tiga dekad, telah memberikan impak yang besar kepada perubahan dalam masyarakat. Penglibatan ABIM dalam isu-isu kezaliman dan penindasan umat Islam oleh kuasa-kuasa besar dunia menjadikan ABIM sebuah harakah Islamiyah yang bukan sahaja berjuang untuk masyarakat setempat tetapi juga berjuang ke peringkat antarabangsa. ABIM dengan tegas membela nasib umat Islam minoriti yang ditindas oleh regim negara mereka sendiri. Gagasan-gagasan dakwah ABIM dan pendekatan-pendekatan dakwah ABIM telah berjaya memberikan pemikiran-pemikiran yang segar bagi melaksanakan idealisme perjuangan Islam.

ABIM 1971-2004: LEADERSHIP, STRUGGLE AND THOUGHTS

ABSTRACT

ABIM is a dakwah movement that has significantly contributed to the rise of Islam in Malaysia. Since its establishment in 1972, ABIM has played a vital role in the struggle to restore the teaching of Quran and the Sunnah in the country. Its early history has proven that the movement has undergone various tribulations and challenges. From 1971 to 2004, ABIM had been led by five presidents who had managed to realise Islam as a complete way of life. ABIM leaders were ready to face imprisonment in their struggle to uphold the principles of justice and truth for the sake of Islam and for those being oppressed. ABIM has been functioning as a dakwah movement struggling for the truth and justice for almost 33 years. Both internal and external challenges as well as hindrances faced by ABIM are part of the process to develop and to upgrade the maturity level of the movement to achieve its objectives. In fact, the experience gained while facing the tribulations has led its leadership to make matured decisions for the benefit of the people. ABIM's Non-Partisan approach on political issues and its Manhaj Maliziy approach in dakwah has developed a high degree of confidence in the movement to execute its mission. Its struggle and thoughts for three decades have created a significant impact on the transformation of the people in Malaysia. The movement's involvement in the issues of injustice and oppression by the super powers against the Muslims has made it known as an Islamic movement that not only struggle for the locals but also for those

being oppressed abroad. ABIM's dakwah alliance and approaches have successfully generated new ideas in its effort to execute the idealism of Islamic struggle.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dari tahun 1970 hingga hari ini, Malaysia telah menyaksikan perkembangan dan kebangkitan Islam yang sangat progresif. Kebangkitan ini dapat dilihat dengan jelas apabila lahirnya pelbagai badan dakwah, yang telah memperkukuhkan lagi penghayatan Islam. Sejarah kebangkitan Islam di Malaysia selama tiga dekad yang lalu telah menunjukkan sebuah pencapaian kemajuan dalam kehidupan masyarakat Melayu dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Tempoh masa kajian ini dipilih dari tahun 1971 hingga tahun 2004 kerana ia merupakan tempoh masa yang paling penting dalam sejarah kebangkitan Islam di Malaysia.

Tempoh masa ini memperlihatkan peranan institusi bukan kerajaan dalam perkembangan dakwah Islam di Malaysia seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Jamaah Islah Malaysia (JIM). Perkara ini amat penting dalam arus kesedaran bangsa Melayu Islam terhadap pelaksanaan sistem Islam dari segi politik, ekonomi dan sosial masyarakat Malaysia. Angkatan Belia Islam Malaysia

(ABIM) ditubuhkan pada 6 Ogos 1971. Lebih tiga dekad ABIM berada di persada dakwah, sebagai gerakan Islam banyak menyumbang kepada perkembangan Islam di Malaysia termasuk dalam aspek sosio budaya masyarakatnya. Pelbagai cabaran telah ditempuh oleh gerakan ABIM dalam usahanya memperjuangkan Islam di Malaysia. Perjuangan ABIM mahu meletakkan Islam dalam konteks perundangan negara, di negara ini. Perjuangan ABIM telah menerima banyak cabaran dan halangan sama ada dari pihak pemerintah mahupun rakan-rakan gerakan Islam yang mempunyai matlamat yang sama.

Namun pendekatan dakwah ABIM mempunyai cara yang tersendiri dalam usaha meletakkan matlamat Islam dalam sistem negara ini. Kajian ini yang merangkumi selama tiga dekad dari tahun 1971 hingga 2004, mendapati ABIM sebuah gerakan Islam yang mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Melalui kajian ini, dapat didedahkan matlamat perjuangan, strategi, cabaran, halangan dan rintangan serta faktor-faktor yang mempengaruhi dan kaedah perjuangan yang dijalankan. Dalam kajian ini juga, akan dipaparkan pengalaman tokoh-tokoh pemimpin ABIM yang bertanggungjawab dalam kebangkitan Islam di Malaysia dan juga pengaruh pemikiran ABIM yang diperjuangkan dalam masyarakat Islam di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

1.2 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus. Objektif umumnya lebih kepada untuk memenuhi kekosongan kajian sejarah kebangkitan gerakan Islam di Malaysia sejak tahun 1970-an

sehinggalah tahun 2004 dengan mengkaji secara menyeluruh gerakan ABIM. Kajian ini dibuat untuk membuat analisis sejauh mana peranan ABIM dalam menyumbang pemikiran dan intelektualisme dalam masyarakat Malaysia. ABIM sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar. Apakah sumbangannya terhadap perkembangan Islam di Malaysia khususnya dan peranannya di peringkat antarabangsa dalam membela nasib umat Islam.

Objektif khusus dalam kajian ini;

1. Mengkaji latarbelakang sejarah yang membawa kepada penubuhan dan perkembangan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
2. Membuat analisis peranan enam tokoh penting pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang memberikan sumbangan penting dalam aspek perjuangan dan pemikiran dakwah dalam kalangan masyarakat Melayu.
3. Membuat analisis secara terperinci penglibatan ABIM dalam politik dan konsep *Non-Partisan* ABIM serta pendekatan *Manhaj Maliziy* dalam gerakannya.
4. Mengkaji sejauh mana peranan yang dijalankan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia dalam memperjuangkan masalah umat Islam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Berdasarkan objektif-objektif yang hendak dicapai ini, kajian ini akan dapat menjelaskan sikap dan perjuangan ABIM dalam perjuangan dakwah Islam di Malaysia. Sehubungan dengan itu, akan dapat diperjelaskan sama ada ABIM berjaya melaksanakan visi dan misi dakwahnya di Malaysia.

1.3 Pemasalahan Kajian

ABIM sebuah gerakan Islam di Malaysia, yang sentiasa menjadi tumpuan pelbagai pihak di dalam dan luar negara. Pendekatan dakwah ABIM sering dipertikaikan oleh pihak kerajaan dan juga tokoh-tokoh politik. Sikap perjuangan ABIM tidak menentu kerana ada kalanya bertindak sebagai pihak pembangkang dan ada kalanya pula bertindak sebagai rakan atau bersama dengan pihak kerajaan. Permasalahan kajian ini ialah tentang pendirian politik ABIM dan apa yang diperjuangkan oleh ABIM serta ke arah mana pegangan politik ABIM. ABIM memperjuangkan Islam dan sudah pasti mempunyai matlamat membangunkan sebuah negara Islam dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Polemik berlaku apabila ABIM tidak menjelaskan pegangan politik kepartiannya. Adakah dasar tidak berpihak kepada mana-mana parti politik menjadi keutamaan dalam perjuangannya? Timbul polemik pelbagai pihak bahawa pendirian ABIM tidak jelas. Polemik ini terus berlaku selama tiga dekad ABIM berada dalam masyarakat bagi memperjuangkan cita-cita Islam. Pada peringkat awal penubuhan, ABIM dilihat sebagai anti kerajaan dan sentiasa berkonfrantasi dengan pihak pemerintah. ABIM bersikap radikal¹, *ekstrim*² dan anti kerajaan. Malah ada tokoh-tokoh yang politik mencabar ABIM supaya menjadi parti politik³. Namun dilihat ABIM terus dengan pendekatan dan perjuangan dakwahnya. Bagaimanapun bermula

¹ Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya aliran Radikal. Lihat Yusof Qardhawi, *Kebangunan Islam Di antara Tantangan dan Ekstrimisme*, Kuala Lumpur: ABIM, 1984. hlm.17.

² Yusof Qardhawi, *Islam 'EKSTREM' Suatu Analisis & Cabaran Terhadap Kebangkitan Islam*, Batu Caves: Darul Iman Sdn.Bhd., 2002, hlm. 29.

³ *Utusan Melayu*, 16 September 1980. Embong Cabar ABIM Sebagai Parti Politik. Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Embong Yahya mencabar pemimpin-pemimpin ABIM supaya pertubuhan ABIM menjadi sebuah badan politik.

tahun 1982 hingga 1998, ABIM dilihat sebagai penyokong kepada dasar-dasar pihak pemerintah. Gerak kerja dan pemikiran ABIM menjurus kepada menyokong usaha-usaha kerajaan. Namun selepas tahun 1998 berlaku perubahan yang drastik kepada gerak kerja dakwah ABIM. Hal yang demikian ini menjadi kekeliruan kepada masyarakat.

Konsep *non-partisan* dan konsep *manhaj Maliziy* juga sering dipertikaikan. Bagaimana ABIM mampu menyakinkan masyarakat bahawa kedua-dua konsep tersebut sesuai dilaksanakan dalam konteks dakwah di Malaysia. Konsep *non-partisan* dan *manhaj Maliziy* merupakan pemikiran dakwah ABIM dalam konteks dakwah di Malaysia.

Kajian ini juga melihat sejauh manakah program-program dakwah ABIM mampu memberikan impak kepada masyarakat. Bagi menjelaskan konsep tersebut kajian tentang pendekatan dakwah dalam aspek pendidikan dan program-program dakwah dikemukakan. Kekekuatan ABIM bergantung kepada kekuatan ahlinya dalam melaksanakan program-program dakwah. Bagaimana ABIM mampu melatih anggotanya supaya mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan program dakwah. Pendekatan dakwah dan tarbiyyah merupakan aspek penting memperkukuhkan kesinambungan ABIM. Usaha-usaha yang dijalankan oleh ABIM khususnya program dakwah dan tarbiyyah menjadi aspek penting dalam melahirkan pemimpin-pemimpin ABIM yang berwibawa. Adakah program dakwah dan tarbiyah ABIM berjaya melahirkan pimpinan ABIM yang komited dengan tugas dan tanggungjawab melaksanakan cita-cita Islamiah?

Sebagai harakah Islam ABIM seharusnya berjuang merentasi garis sempadan geografi dan bangsa. Adakah ABIM melaksanakan konsep perjuangan Islam yang alamiah atau tersudut kepada umat Melayu Islam sahaja? Persoalan ini perlu dirungkaikan, bagaimana dan mengapa ABIM mempunyai pemikiran tersebut. Adakah benar ABIM berjuang atas dasar bangsa Melayu semata-mata tanpa melihat masalah umat Islam di dunia? Adakah ABIM juga prihatin dengan masalah umat Islam di peringkat antarabangsa? Adakah ABIM boleh dianggap sebuah gerakan Islam yang bersifat *alamiyah*? Adakah gagasan-gagasan dakwah ABIM mampu membantu minoriti umat Islam yang tertindas di peringkat antarabangsa?

Permasalahan kajian ini juga melihat apakah Anwar Ibrahim merupakan faktor yang mempengaruhi aspek perjuangan dan pemikiran ABIM? Masyarakat Islam di Malaysia telah membuat tanggapan bahawa Anwar Ibrahim itu merupakan tokoh yang amat mempengaruhi ABIM, walaupun Anwar Ibrahim sudah berada di luar lingkungan ABIM. Kepimpinan utama ABIM yang lain seperti Razali Nawawi, Fadhil Mohd Noor (Pemangku Presiden), Siddiq Fadhil, Muhammad Nor Manuty dan Mohd Azam Abdul Rahman dilihat kurang berpengaruh bagi menentukan hala tuju ABIM. Malah ramai membuat andaian Anwar Ibrahim itu ABIM dan ABIM itu Anwar Ibrahim. Analisis yang dijalankan oleh penyelidik akan dapat menghuraikan peranan pemimpin ABIM yang menerajui pertubuhan itu selepas Anwar Ibrahim.

Andaian tersebut akan dapat dirungkaikan dengan melihat cara bagaimana pimpinan-pimpinan ABIM yang lain mampu membawa hala tuju ABIM, yang menyebabkan ABIM terus berwibawa dalam perjuangan dan pemikiran masyarakat dalam dan luar negara. Selama 17 tahun Anwar meninggalkan ABIM, ABIM tetap meneruskan

perjuangan dakwahnya. Dalam melihat permasalahan kajian ini, polimik ABIM ialah bagaimana cara pelaksanaan misi dakwahnya. Apakah pemikiran perjuangan dakwah ABIM. Dasar-dasar perjuangan ABIM dilihat tidak dapat membawa masyarakat Islam di Malaysia ke arah matlamat penubuhan sebuah *daulah Islamiah*. Bagaimana ABIM mampu melaksanakan sebuah *daulah Islamiah* sedangkan ABIM tidak berada dalam kuasa politik demokrasi di Malaysia kerana ABIM tidak terlibat dalam parti politik sama ada PAS, UMNO atau PKN. Mengapa ABIM tidak berjuang di landasan parti politik yang memungkinkan ABIM boleh menyertai pilihanraya untuk berkuasa? Inilah permasalahan kajian perjuangan politik dan pemikiran ABIM. Mengapa ABIM begitu yakin dengan pendekatan dakwah dan tarbiyah?

1.4 Kajian Lepas.

Terdapat beberapa kajian yang membicarakan secara umum atau yang membicarakan persoalan-persoalan tentang tema kebangkitan Islam di Malaysia khususnya peranan ABIM sebagai gerakan Islam di Malaysia. Kajian-kajian lepas ini memfokuskan kepada peranan dan sumbangan yang diberikan oleh ABIM. Kajian tentang ABIM banyak berkaitan dengan pendekatan dakwah terutama program dakwah yang dijalankan oleh ABIM. Terdapat beberapa kajian ilmiah, artikel, jurnal, kertas kerja dan buku yang ditulis secara tidak langsung mengenai sejarah kebangkitan Islam di Malaysia yang menyentuh secara sepintas lalu tentang ABIM.

Ada beberapa penulis telah menyentuh secara khusus tentang tema sejarah pemikiran Islam di Malaysia, tema tentang perkembangan politik Islam di

Malaysia, perkembangan institusi kewangan Islam di Malaysia dan gerakan-gerakan institusi-institusi Islam di Malaysia. Sebuah buku yang ditulis oleh Abdul Rahman Haji Abdullah yang berjudul *Pemikiran Islam Di Malaysia : Sejarah dan Aliran*, merupakan sebuah karya yang mengkaji semula sejarah dan pemikiran orang Islam di Malaysia dalam tempoh antara tahun 1900 hingga 1990-an. Kelahiran pelbagai aliran pemikiran orang Melayu tentang Islam yang banyak dipengaruhi oleh cabaran *kolonialisme* dan *modernisme* yang menjadi fokus buku ini. Penulis telah dapat menyusun dan mendefinisikan semula sejarah dan pemikiran orang Islam di negara ini, beberapa tafsiran baru mengenai istilah telah ditonjolkan, di samping menggunakan beberapa pendekatan yang menyebabkan kajian tentang pemikiran Melayu Islam di Malaysia dapat dijelaskan. Penulis telah cuba memperlihatkan peranan yang dijalankan oleh beberapa gerakan Islam di Malaysia dalam bab 12, bertajuk *Neo-Reformisme: Intelektual*. Penulis menyentuh tentang peranan yang dijalankan oleh gerakan Islam yang membahas tentang masalah ilmu dan pendidikan dan persoalan-persoalan kehidupan yang meliputi aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik.

Dalam hal ini, tumpuan khusus diberikan kepada peranan dan perjuangan ABIM dalam usahanya menangani masalah-masalah semasa. Penulis juga telah menghuraikan tentang bermulanya tahap kesedaran keIslaman yang telah bermula pada bulan Ogos 1971.

Demikian di atas kesedaran keIslaman yang mulai berbunga itulah maka pada bulan Ogos 1971, PKPIM telah menganjurkan tiga kongres serentak. Ia bermula dengan Persidangan Agungnya yang ke-10 diikuti oleh Kongres Universiti Islam, dan akhirnya pada 6 Ogos

mengenai penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).⁴

Melalui konsep pemikiran yang dijelaskan, penulis pada keseluruhannya telah dapat menghuraikan secara berterusan tentang sejarah pemikiran Islam di Malaysia sehingga tahun 1990-an.

Tema tentang Kebangkitan dan pembangunan Islam yang bertajuk *Islam dan Masyarakat Maju* yang diterbitkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia. Karya ini telah berjaya memperlihatkan konsep dan strategi membangunkan sebuah negara dari sudut perspektif Islam. Buku ini telah ditampilkan ketika teretusnya Wawasan 2020 yang dikemukakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 semasa beliau menyampaikan ucapan dasar *Malaysia-The Way Forward* di Majlis Perniagaan Malaysia. Buku ini adalah kumpulan kertas yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Islam dan Masyarakat Maju pada 14-15 November 1992. Mohamad Abu Bakar dalam kertas kerjanya bertajuk *Pendirian Dan Pembangunan: Islamisasi Dan Isu-Isu Semasa, Dengan Rujukan Kepada Tugas Generasi Ulul Albab dalam Abad Ke-21*, menjelaskan;

Apa yang dikatakan sebagai Kebangkitan Semula Islam sebenarnya adalah tidak lebih daripada pembesaran, pendalaman dan peningkatan Islamisasi atau fundamentalisme Islam mengikut tanggapan barat. Usaha ke arah penghayatan

⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah. *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM, 1998, hlm. 290.

*ideal Islam inilah yang telah turut membentuk pendirian orang Islam terhadap pembangunan.*⁵

Mohamad Abu Bakar menjelaskan kebangkitan Islam merupakan pemupukan idea atau konsep kemajuan Islam. Penghuraian tentang pembangunan dan penganalisisan peranan pendidikan, sistem undang-undang dan teknologi maklumat mampu membuka pencapaian ke arah pelaksanaan dan objektif Islam.⁶ Manakala Islam dan isu-isu ketamadunan merupakan karya pemikiran Islam yang bersifat multi-disiplin, pendidikan, ketamadunan, politik, ekonomi dan perbandingan agama. Ghazali Basri, Ahmad Mohamad Said & Khalif Mu'ammam dalam bukunya bertajuk, *Islam Dan Isu-Isu Ketamadunan*, menupas tentang Islam dan ketamadunan. Buku ini cuba menyorot tentang Islam dari pelbagai dimensi ketamadunannya termasuk sejarah dan pengalamannya, tradisi dan potensinya, warisan dan wawasannya.⁷

Tema yang sama juga telah dikemukakan tetapi ia lebih menjurus kepada soal kebangkitan pendidikan yang berteraskan Islam. *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*, yang disunting oleh Dato' Dr. Siddiq Fadzil, mengupas tentang politik, ekonomi dan sosial yang berkait langsung dengan kebangkitan ummah.⁸ Tema tentang kebangkitan tamadun ummah Melayu yang meninjau tentang ciri-ciri khas ummah Melayu. Penulis telah melihat secara umum berkaitan dengan

⁵ Mohamad Abu Bakar, *Pendirian Dan Pembangunan: Islamisasi Dan Isu-Isu Semasa, Dengan Rujukan Kepada Tugas-Tugas Generasi Ulul Albab Dalam Abad ke-21*, dlm *Islam Dan Masyarakat Maju*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1993, hlm. 50.

⁶ Ibid.

⁷ Ghazali Basri, Ahmad Mohamad Said & Khalif Mu'ammam. *Islam Dan Isu-Isu Ketamadunan*, Kolej Dar al-Hikmah, Kajang, 2007.

⁸ Ahmad Mohammad Said, Mohd Nasir Mohd Tap & Dato'Siddiq Fadzil, *Pendidikan Sebagai Wahana Pentamadunan Ummah*, Kajang: Kolej Dar-al-Hikmah, 2007.

perancangan yang perlu dilakukan bagi tujuan kebangkitan ummah. Buku ini juga memaparkan tentang generasi muda dan isu-isu peradaban Islam tentang peranan dan tanggungjawab generasi muda.

Buku yang di tulis oleh Hilmy Bakar Almascaty dengan tajuk: *Ummah Melayu-Kuasa Baru Dunia Abad ke-21*, adalah salah satu gambaran daripada dinamika semangat generasi Ummah Melayu. Islamisasi Kehidupan masyarakat dengan memperluaskan dakwah dan tarbiyah. Pejuang-pejuang Islam, jemaah Islam, organisasi Islam serta individu-individu yang berdakwah dalam masyarakat dengan matlamat supaya masyarakat faham tentang Islam sebagai cara hidup yang terbaik.⁹ Terdapat juga karya-karya yang mengupas tentang peranan yang dilakukan oleh organisasi-organisasi Islam yang memainkan peranan penting dalam menyumbang kebangkitan Islam di Malaysia sejak awal tahun 1970-an. Antara gerakan Islam yang disebutkan ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)¹⁰ dan tokohnya yang utama iaitu Anwar Ibrahim.¹¹ Kebangkitan Islam di Malaysia sering dikaitkan dengan Gerakan Dakwah.¹² Tema Gerakan Dakwah sering dikemukakan oleh sarjana

⁹ Hilmy Bakar Almascaty, *Ummah Melayu Kuasa Baru Dunia Abad ke-21*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.,1994.

¹⁰ Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hasil beberapa pertemuan generasi pengasas ketika itu. Pengerusi penaja rasmi ketika itu ialah Ustaz Abdul Wahab Zakaria dan Fauzi Abd.Rahman sebagai Setiausaha Agung. ABIM merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan pada 17 Ogos 1972 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Lihat juga Lum Chih Feng, *ABIM 3 dekat yang penuh dugaan*, Gombak Anjung Rahmat: ABIM Pusat, 2001.

¹¹ Anwar Ibrahim dilahirkan di CheroK Tok Kun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada tahun 1947. dilahir dari keluarga sederhana. Sekolah Menengah di Kolej Melayu Kuala Kangsar sebuah kolej yang terkenal yang ditubuhkan oleh kerajaan British.

¹²John L. Esposito, John O.Voll. *Makers of Contemporary Islam*. New York: Oxford University Press., 2001, hlm. 177-198.

tempat sama ada dalam bentuk pembentangan seminar, artikel mahupun karya berbentuk buku ilmiah.

Sebuah buku bertajuk, *Gerakan Dakwah Dan Order Islam Di Malaysia: Strategi Masa Depan*,¹³ *Pembangunan Modal Insan, Apa Kenapa Perlu Dalam konteks Organisasi Di Malaysia*.¹⁴ Tulisan tersebut menyatakan tentang peranan gerakan dakwah tidak boleh diperkecilkan kerana gerakan dakwah *Islamiyah* di Malaysia didukung bersama oleh pelbagai jenis pertubuhan dan persatuan termasuklah pertubuhan dan persatuan belia, pelajar, guru, kebajikan, akademik, politik, kebudayaan, pendidikan dan yang khusus didaftarkan sebagai badan dakwah disamping orang perseorangan yang bergiat sama ada secara persendirian atau menerusi institusi tertentu.

Buku yang ditulis oleh Zainah Anwar bertajuk *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*¹⁵ yang diterbitkan pada tahun 1990, telah mengulas tentang kebangkitan Islam di Malaysia. Peranan pelajar-pelajar Islam di dalam dan di luar negara mencorakkan kegiatan dakwah di Malaysia. ABIM merupakan sebuah gerakan Islam yang penting diulas dalam buku ini. Kebangkitan Islam bermula pada tahun 1970an, peranan yang dilakukan oleh PKPIM dan ABIM. Bagaimana ABIM dan PKPIM

¹³ Kebangkitan Islam yang bermula pada awal tahun-tahun 70-an dengan munculnya gerakan dakwah moden seperti ABIM khususnya telah mewarnai sosio-politik-ekonomi negara sehinggalah sekarang, 20 tahun kemudiannya. Nyata sekali sumbangan gerakan dakwah terhadap perubahan sosial dan pembangunan negara tidaklah kecil malah pada masa-masa tertentu peranannya begitu bermakna dan amat strategik sekali. Lihat Mohamad Abu Bakar, dalam *Gerakan Dakwah dan Order Islam Di Malaysia: Strategi Masa Depan*, Kajang: ABIM, 1993, hlm. 1-32.

¹⁴ Abd Rahman bin Ahmad, *Pembangunan Modal Insan: Apa Dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Human Resources Academy Pustaka Darul Hikmah, 2006.

¹⁵ Zainah Anwar, *Kebangkitan Islam Di Kalangan Pelajar*, Petaling Jaya: IBS BUKU Sdn. Bhd., 1990.

bersikap radikal dan akhirnya bergerak secara sederhana dalam perjuangannya. Kajian buku ini bermula dari tahun 1970an sehingga tahun 1990, yang memaparkan juga pelajar-pelajar yang terlibat dalam gerakan dakwah seperti PKPIM, ABIM, Arqam, IRC, Suara Islam dan PAS.

Sebuah buku yang ditulis oleh Gordon P.Means, bertajuk, *Political Islam in Southeast Asia*,¹⁶ dalam tajuk Malaysia di bawah pemerintahan Mahathir, mengulas tentang peranan ABIM dan bagaimana Mahathir bertindak ke atas pelajar-pelajar yang mengadakan demonstrasi. Ketegasan Mahathir dengan menggunakan polis untuk menangkap para demonstrasi termasuk penangkapan Anwar Ibrahim. Buku ini juga mengulas bagaimana ABIM membawa sebahagian anggotanya menyokong UMNO setelah Anwar Ibrahim memasuki UMNO. Buku ini juga mengulas tentang gerakan Islam yang bergerak di Malaysia seperti Arqam. Dibincangkan juga tentang negara Islam, keluarga Islam termasuk isu murtad yang berlaku di Malaysia. Perbincangan tentang kebangkitan Islam yang dilakukan oleh pelajar boleh menggugat kepimpinan Melayu yang memerintah pada awal kebangkitan Islam.

Sebuah buku yang ditulis oleh Azizan Bahari yang bertajuk *Pergerakan Belia, Persoalan dan Cabaran*, telah membincangkan tentang organisasi belia dekad 1970-an, catatan sejarah memperlihatkan peranan penting pelajar pusat-pusat pengajian tinggi di dalam pergerakan belia kebangsaan seperti Majlis Belia Malaysia (MBM). Pertubuhan-pertubuhan pelajar seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia (PKPM) dan Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) secara keseluruhannya

¹⁶ Gordon P.Means, *Political Islam in Southeast Asia*, Petaling Jaya: SIRD. 2009. Hlm.119-151.

menggabungkan hampir kesemua persatuan pelajar di maktab dan universiti-universiti tempatan. Ketika itu pergerakan belia ternyata lebih vokal dan mulai mendapat tempat dalam pergerakan belia pimpinan MBM.¹⁷

Kajian tentang kebangkitan Islam telah turut dikupas melalui beberapa karya yang tertumpu kepada persoalan atau tema perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia. Buku yang membicarakan persoalan melaksanakan syariat Islam khususnya di dalam sebuah negara yang berbilang agama dan pelaksanaan undang-undang Islam di dalam sebuah masyarakat majmuk dibincangkan dalam karya tersebut. Dikupas dengan penuh hikmah dalam menyatakan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Antara tajuk buku yang membicarakan tentang tema tersebut ialah *Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam*,¹⁸ *Perkembangan Undang-Undang Islam*,¹⁹ *Kehakiman Mahkamah Syariah*,²⁰ dan *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*.²¹ Tulisan tersebut telah membicarakan tentang syarat-syarat menjadi sebuah negara Islam dan juga ciri-ciri sebuah negara Islam. Buku yang bertajuk *Islam Pasca Kemerdekaan*²² yang merupakan himpunan kertas kerja daripada Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan III, mengandungi perbincangan

¹⁷ Azizan Bahari, *Pergerakan Belia, Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar. 1995.

¹⁸ Dato' Wan Zahidi Wan Teh, *Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, 2001.

¹⁹ Abdul Halim El-Muhammady, *Perkembangan Undang-Undang Islam*, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu, 1993.

²⁰ Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman, *Kehakiman Mahkamah Syariah*, dalam Ahmad Ibrahim *e.tal. Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

²¹ Ahmad Ibrahim, *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*, Kuala Lumpur: 1986.

²² Mazlan Ibrahim, Kamarudin Salleh (*Penyunting*), *Islam Pasca Kemerdekaan*, Shah Alam: Karisma Publications, 2008.

tentang kebangkitan dan pembangunan Islam selepas 50 tahun Negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Kertas kerja ini mengupas dan menggarap isu-isu perjuangan nasionalisme Melayu, pentadbiran agama Islam dalam kerangka federalisme, pentadbiran harta pusaka, pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dan bahasa Arab. Kertas kerja ini juga mengupas tentang pengajian ilmu kalam, pembangunan modal insan, pembangunan semula tamadun Islam-Melayu, dakwah dan pembangunan masyarakat orang asli, dialog antara agama, perkembangan Islam era Dr. Mahathir. Transformasi masyarakat Melayu dalam bidang akidah, tarekat, tafsir, gerakan pelajar, pengendalian dan pengagihan zakat, konsep ilmu, politik dan kepelbagaian perbincangan yang berkaitan dengan pembangunan Islam turut dibincangkan dalam seminar tersebut. Kebangkitan Islam di Malaysia, sudah pasti akan dikaitkan dengan kebangkitan kesedaran Islam golongan mahasiswa.

Ada artikel-artikel yang membicarakan tentang peranan golongan mahasiswa yang dilihat sebagai pendukung utama ke arah reformasi masyarakat secara revolusi dan evolusi iaitu melalui penyertaan dalam pentadbiran negara. Kebanyakan artikel yang membicarakan tema kebangkitan mahasiswa Islam bermula pada awal tahun 1970-an tetapi mula berperanan dalam masyarakat sejak tahun 1980-an. Antara artikel yang menyentuh isu tersebut ialah “Mahasiswa Progresif”²³ dan “Mahasiswa Islam Mencabar”.²⁴ Peningkatan kesedaran Islam pada awal 1970-an telah meletakkan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) sebagai wadah penting

²³ Mohamad Ridhwan bin Alias, *Mahasiswa progresif*, (atas talian), <http://www.geocities.com/ummahonline/artikel/050/050729ridhwan-mahasiswa.htm>.

²⁴ Agus Salim, *Mahasiswa Islam Mencabar*, (atas talian), <http://www.Geocities.com.ummahonline/artikel/050907agus-siswa.htm>.

dalam perjuangan Islam di kampus. Gerakan mahasiswa Islam terus melebarkan pengaruhnya ke universiti tempatan dengan tertubuhnya gerakan mahasiswa Islam 1970-an seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). PKPIM dan ABIM terus melebarkan sayapnya ke negeri-negeri bagi menubuhkan cawangan-cawangan sama ada pada peringkat negeri dan daerah. Gelombang kebangkitan Islam mula berkembang dan mendapat perhatian dalam masyarakat Malaysia.

Sebuah karya bertajuk *Wadah Peneraju Kepimpinan Pelajar: Koleksi Sejarah Pergerakan KPIP, Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Perak*,²⁵ oleh Muhammad bin Jaafar mengulas tentang tema kebangkitan dan kesedaran Islam dalam perjuangan pelajar khususnya pada peringkat negeri Perak sekitar tahun 1970-an hingga 1990-an. Monograf ini mengulas tentang peranan ABIM di peringkat negeri, melatih generasi muda sebagai pimpinan pelapis yang menerima latihan terus daripada kepimpinan ABIM.²⁶ Manakala Abdul Aziz Mohd. Zin melalui karya yang bertajuk *Dakwah Islam Di Malaysia*²⁷ telah menjelaskan secara ringkas sejarah perkembangan ABIM serta mengupas tentang program-program yang telah dilaksanakan oleh ABIM sebagai gerakan Islam di Malaysia.

²⁵ Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Perak (KPIP) telah ditubuhkan dengan rasminya hasil dari satu persidangan yang dihadiri oleh pelajar-pelajar Islam Negeri Perak pada 28-29 Oktober 1965, iaitu bersamaan hari Khamis dan Jumaat Di Dewan Madrasah Al-Ulum, Batu 20 Bagan Datuh Perak. Persidangan ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Yang Dipertua, Jabatan Ugama Islam Perak ketika itu Dato, Haji Meor Arif bin Meor Alwi. KPIP didaftarkan pada 11hb Oktober 1965 mengikut kelulusan dan perakuan pihak Pendaftar Pertubuhan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1965 (Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1966-Peraturan 5) mengikut Bil.R. of.S. 670/65/5 ARS/Pk. 136/65 dengan nombor Pendaftaran : 56 Perak. KPIP merupakan antara pertubuhan terawal di Negeri Perak ini.

²⁶ Mohamad bin Jaafar, *Wadah Peneraju Kepimpinan Pelajar: Koleksi Sejarah Pergerakan KPIP, Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Perak*, Taiping: Printers, 1986, hlm. 15-34.

²⁷ Ab. Aziz Mohd Zin et.al, *Dakwah Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006, hlm. 167-181.

Sebuah buku yang telah ditulis oleh Riduan Mohamad Nor,²⁸ *Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad*, telah mengulas tentang kebangkitan gerakan pelajar Islam pada tahun 1960-an hinggalah tahun 1990-an yang mengupas tentang perjuangan siswa dan siswi di kampus universiti. Penulis telah menghuraikan tentang kemunculan ABIM, peranan dan penglibatannya dalam demonstrasi dan juga hubungan PAS dan ABIM. Dibahaskan juga tentang persaingan antara gerakan Islam dalam mencari pengaruh mereka di kampus-kampus utama seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM). Penulis telah berjaya menggambarkan suasana kebangkitan Islam yang telah dimulakan dengan gerakan pelajar dan bagaimana ABIM menjadi gerakan yang amat berpengaruh. Riduan Mohammad Nor juga telah menulis sebuah buku yang bertajuk; *Sejarah & Perkembangan Gerakan Islam Abad Moden*.²⁹ Buku ini memarparkan sejarah perkembangan gerakan Islam *Ikhwanul Muslimin* di Mesir, gerakan Islam yang dikenali sebagai Barisan Penyelamat Islam (FIS) di Algeria, Sejarah perkembangan Jami'at Islami di Pakistan, HAMAS di Palestin, gerakan Islam *Jama'ah Zaman* dan sejarah dan perkembangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Kupasan buku ini menarik kerana dipaparkan tentang sejarah perjuangan, halangan dan cabaran yang dihadapi oleh gerakan Islam tersebut.

²⁸ Riduan Mohamad Nor, *Potret Perjuangan Mahasiswa Dalam Cerminan Dekad*, Kuala Lumpur: JUNDI Resources, 2007.

²⁹ Riduan Mohamad Nor, *Sejarah & Perkembangan Gerakan Islam Abad Moden*, Shah Alam: Angkatan Edaran Ent.Sdn. Bhd. 2009.

Sebuah lagi buku yang ditulis oleh Badlihisam Mohd Nasir yang bertajuk, *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*,³⁰ sebuah buku yang agak kritis. Dalam bab 3 buku ini dibahaskan tentang kemasukan Anwar ke dalam *United Malay National Organization* (UMNO) dan juga bagaimana cara ABIM bertindak di atas peristiwa tersebut. Penulis juga telah menulis secara kritis tentang sebuah kertas kerja yang bertajuk “Kenapa kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO tidak Syarie.” Penulis telah membuat analisis tentang perkara tersebut dengan agak baik yang mampu memperlihatkan aspek diskusi yang menarik untuk diperbahaskan. Tulisan tersebut mengulas tentang peranan ABIM sebagai sebuah gerakan dakwah di Malaysia. Apabila mengkaji tentang gerakan dakwah atau perkembangan Islam di Malaysia, penulis akan melihat ABIM adalah pelupur kebangkitan tersebut.

Beberapa jurnal yang dikenal pasti telah memuatkan tentang ABIM. *Jurnal Jebat* menyiarkan penulisan bertajuk “Globalisasi dan Gerakan Islam : Kajian Kes Terhadap PAS dan ABIM”³¹ oleh Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif dan Kamaruzaman Yusof. Dalam tulisan ini dibahaskan tentang ABIM dan persoalan globalisasi. Penulis membahaskan secara sepintas lalu sikap ABIM dalam pendekatan dakwah yang dijalankan. Disebutkan tentang tahap-tahap perjuangan ABIM dalam aspek pemikiran dan pendekatan dakwah ABIM yang dilaksanakan. Penulis juga membuat perbandingan antara Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan ABIM mencapai matlamat perjuangan secara lebih kritis.

³⁰ Badlihisam Mohd Nasir. *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*, Shah Alam: Karisma Publications, 2009.

³¹ Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, dan Kamaruzaman Yusof, “Globalisasi dan Gerakan Islam: Kajian Kes Terhadap PAS dan ABIM.” *JEBAT* 31, 2004. hlm. 157-177, .

Jurnal Usuluddin dari UKM menyiarkan artikel bertajuk, “Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Dato’ Dr. Siddiq Fadhil.”³² yang ditulis oleh Badlishisham Mohd Nasir. Artikel ini mengupas tentang ketokohan pimpinan ABIM yang ketiga iaitu Siddiq Fadhil. Beliau mengupas secara teliti tentang pemikiran tokoh ABIM ini. Tulisan ini amat kritis kerana kajian yang dipaparkan seolah-olah terdapat kritikan para pimpinan ABIM terhadap Anwar Ibrahim. Penulis juga mengupas beberapa pendekatan dakwah ABIM. *Jurnal Pendidikan Islam* yang diterbitkan oleh Yayasan Takmir Pendidikan dan Kolej Dar al-Hikmah telah menyiarkan sebuah artikel khusus tentang perkembangan Sekolah Rendah ABIM.³³ Penulis mengupas tentang sejarah penubuhan sekolah ABIM dengan menerangkan kurikulum pendidikan sekolah itu. Kurikulum bersepadu yang dikemukakan itu diharapkan akan melahirkan generasi yang cemerlang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Arbaiah Miskam³⁴, dalam kajian ilmiah peringkat sarjana bertajuk, “Metode Pentarbiyyahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam, Satu kajian di Dalam ABIM.” telah mengkaji tentang metode pentarbiyyahan ABIM dalam masyarakat Islam di Malaysia. Kajian ini meneliti tentang program-program dakwah yang telah dilaksanakan oleh ABIM. Salwana Ahmad Dahlan³⁵ pula menjelaskan tentang perkembangan Koperasi Islam Malaysia (KBI). Kajiannya menjurus kepada

³² Badlishisham Mohd Nor, “Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Dato’ Dr.Siddiq Fadhil”, *Jurnal Usuluddin*, UKM, Bangi, 2008, hlm. 61-80.

³³ Mahyuddin Ashaari, “Sejarah Kurikulum Perkembangan Sekolah Rendah Islam (SERI) Sungai Ramal Dalam: Perintis Sistem Sekolah Rendah Islam ABIM”. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2006, hlm. 67-71.

³⁴ Arbaiah Miskam, “Metode Pentarbiyyahan Ke Arah Melahirkan Masyarakat Islam, Satu kajian di Dalam ABIM”, Kajian Ilmiah, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, 1994.

³⁵ Salwana Ahmad Dahlan, “Koperasi Belia Islam Malaysia dan Peranannya Dalam Aktiviti Ekonomi Di Malaysia”. Kajian Ilmiah, Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Universiti Malaya, 1993.

perkembangan KBI khusus kepada aktiviti dan program yang telah dilaksanakan. Kamaruzaman Ariffin³⁶ pula dalam kajiannya bertajuk, *ABIM, Satu Tinjauan Sepintas Lalu*, mengulas tentang ABIM secara sepintas lalu dari aspek penubuhan, perkembangan dan perjuangan.

Begitu juga latihan ilmiah Ishak Saat³⁷ berjudul “ABIM Daerah Manjung 1971-1990. Perjuangan, Sumbangan dan Tribulasi.” mengupas tentang latarbelakang penubuhan ABIM di daerah Manjung serta perjuangan yang terpaksa dilalui oleh ABIM daerah Manjung pada era kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO. Ishak Saat mengkaji sejarah perkembangan ABIM Cawangan Manjung dengan memaparkan penglibatan ABIM dalam kegiatan dakwah peringkat daerah Manjung. Kajian ilmiah tersebut banyak menyentuh tentang aspek sejarah penubuhan dan perkembangan ABIM serta program-program yang dilaksanakan oleh ABIM dalam masyarakat khususnya pada peringkat tempatan.³⁸ Penulis mampu memberikan gambaran tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ABIM diperingkat negeri ataupun cawangan.

Terdapat beberapa kajian ilmiah yang telah menjelaskan tentang Gerakan Islam ABIM dari pelbagai sudut kajian. Sebuah kajian tesis yang awal ditulis ialah pada tahun 1976. Kajian ini dibuat selepas 3 tahun ABIM ditubuhkan secara sah. Kajian

³⁶ Kamaruzaman Ariffin, *ABIM, Satu Tinjauan Sepintas Lalu: Kajian Ilmiah*, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1983.

³⁸ Ishak Saat. “Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Daerah Manjung 1971-1990. Perjuangan, Sumbangan dan Tribulasi”. Penang: Kajian Ilmiah, Universiti Sains Malaysia, 1999.

ini ditulis oleh Abdul Ghani Ishak,³⁹ bertajuk “ABIM : Angkatan Belia Islam Malaysia.” Penulisan tesis ini berdasarkan dokumen-dokumen asal ABIM. Sebagai pelajar di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, beliau menulis berdasarkan dokumen seperti minit-minit mesyuarat dan laporan tahunan ABIM. Penulisan ini amat baik sebagai sumber rujukan sejarah awal perkembangan ABIM. Terdapat beberapa lampiran yang berkaitan dengan *Internal Security Act* (ISA) dan juga memorandum Pelajaran terhadap Menteri Pelajaran Malaysia dikemukakan dalam tulisannya.

Kajian tesis Doktor Falsafah Mohd Jamil Mukmin,⁴⁰ yang bertajuk, “Gerakan Islam Di Malaysia Kesenambungan Respons dan Perubahan (1957-2000),” menjelaskan tentang peranan yang dijalankan oleh gerakan Islam seperti, ABIM, PKPIM, Al-Arqam dan JIM. PKPIM dan ABIM. Kajian ini menjelaskan bahawa gerakan Islam perlu terus menerus bergerak mengikut suasana politik dan masyarakat di sekelilingnya tanpa mengorbankan prinsip-prinsip asasnya bagi menegakkan kebenaran dan keadilan.

Momentum gerakan dakwah yang diperjuangkan lebih daripada tiga dekad itu tidak terhenti walaupun menghadapi pelbagai halangan yang besar. Pemimpin-pemimpinnya menganggap kesemuanya itu hanyalah sebagai cabaran, ujian dan pengorbanan yang mesti dilalui di dalam satu-satu perjuangan jihad. Dalam tesis ini, penulis telah mengulas bagaimana pihak kerajaan telah membuat perubahan-perubahan ke atas dasar pemerintahan dan pentadbiran kesan daripada perkembangan

³⁹ Abdul Ghani Ishak. “ABIM: Angkatan Belia Islam Malaysia”, Kajian Ilmiah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1976.

⁴⁰ Mohd Jamil Mukmin, *Gerakan Islam Di Malaysia Kesenambungan, Respons Dan Perubahan (1957-2000)*, Tesis Ph.D, UKM Bangi: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, 2005.

gerakan Islam di dalam negara. Kajian beliau tentang respon dan perubahan atas sistem pentadbiran undang-undang Islam dan mahkamah syariah serta perubahan ke atas sistem pendidikan, ekonomi, budaya tetapi disentuh secara sepintas lalu khususnya perkara yang melibatkan gerakan Islam ABIM. Namun penulis berjaya membuat perbandingan antara ABIM, PKPIM dan Al-Arqam dalam pendekatan dakwah organisasi tersebut. Oleh kerana kajian yang melibatkan ABIM, PKPIM dan Al-Arqam, ia tidak mampu untuk mengupas secara mendalam dan terperinci tentang peranan dan perjuangan keseluruhan. Walau bagaimanapun, Jamil Mukmin telah berjaya mengupas tentang kejayaan-kejayaan gerakan bukan kerajaan mempengaruhi sistem pentadbiran negara dalam bidang pendidikan, ekonomi dan undang-undang syariah di Malaysia.

Tesis Ijazah Doktor Falsafah Muhammad Nur Manuty,⁴¹ yang bertajuk “*Perceptions of Social Change in Contemporary Malaysia; A Critical Analysis of ABIM’s Role and Its Impact Among The Muslim Youth,*” Temple University, telah mengkaji tentang peranan ABIM terhadap perubahan dalam aspek politik, sosial dan ekonomi di Malaysia terutama kesan terhadap golongan belia. Penulis telah memberikan tumpuan kajiannya tentang peranan yang telah dilakukan oleh ABIM, terhadap implikasi gerakan Islam ABIM untuk membuat perubahan kepada pentadbiran dan perundangan negara. Penulis juga mengkaji tentang perubahan sistem ekonomi negara kesan daripada perjuangan gerakan Islam di Malaysia. Dalam tesis ini, penulis telah menghuraikan juga peranan yang telah dilakukan oleh gerakan-gerakan Islam yang lain di Malaysia.

⁴¹ Muhammad Nur Manuty, *Perceptions of Social Change in Contemporary Malaysia; A Critical Analysis of ABIM’s Role and Its Impact Among The Muslim Youth*, Tesis Ph.D., Temple University, 1990.

Penulis juga membuat analisis tentang sejauh manakah ABIM mampu membuat perubahan kepada masyarakat di Malaysia. Bagaimana ABIM mampu mempengaruhi belia-belia Islam dalam memahami perjuangan Islam. Golongan belia yang mampu untuk mempertahankan Islam dan mampu berfikir ke atas masa depan umat Islam. Analisis yang dilakukan lebih ke arah perubahan sosial dalam masyarakat. Kajian menjurus kepada kajian sosial yang kurang menekankan aspek pensejarahan melalui kajian-kajian dokumen yang jelas. Namun begitu kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa golongan belia merupakan pencetus perubahan kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Sebuah lagi tesis Doktor Falsafah, hasil kajian Fadhlullah @ Fadzillah Mohd Jamil⁴² yang bertajuk “*The Reawakening of Islam Consciousness in Malaysia: 1970-1987*,” University of Edinburgh, June, 1988, telah mengkaji tentang kebangkitan Islam di Malaysia pada tahun 1970 hingga 1987. Beliau mengkaji tentang peranan yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan Islam sama ada dari parti-parti politik mahupun pertubuhan-pertubuhan Islam yang seperti PKPIM, ABIM, Al-Arqam dan PAS. Kajian yang bermula pada tahun 1970 hingga 1987, kebangkitan dan kesedaran kepada masa depan Islam. Masa 17 tahun kajian yang telah dilakukan hanya berkisar kepada aspek perkembangan pertubuhan parti-parti politik dan pertubuhan Islam sahaja. Kajian ini juga lebih menjurus kepada kajian sosial dalam aspek kesedaran kebangkitan Islam di Malaysia.

⁴² Fadhlullah @ Fadzillah @ Mohd Jamil, *The Reawakening of Islam Consciousness in Malaysia: 1970-1987*. Tesis Ph.D., University of Endinburgh. June. 1988.

Tesis Doktor Falsafah, Badlihisam bin Mohd Nor,⁴³ yang bertajuk “*Islamic Movements In Malaysia: A Study Of Da’wah In PAS and ABIM.*” Kajian perbandingan kebangkitan Islam di Malaysia ini membuat tumpuan kepada PAS dan ABIM. Fenomena kebangkitan Islam di Malaysia sejak tahun 1970-an, yang ditulis secara umum kebangkitan Islam di Malaysia. Penulis telah menyentuh tentang peranan PAS dan ABIM dalam perkembangan Islam di Malaysia dari pelbagai sudut dimensi gerakan dakwah. Kajian ini membuat analisis tentang pemahaman PAS terhadap kesedaran dakwah dalam konteks politik. Pendekatan dakwah kedua-dua gerakan ini PAS dan ABIM telah dikaji kerana pertubuhan ini merupakan gerakan Islam yang berpengaruh. Pada awal kajian ini menyentuh tentang sejarah kebangkitan Islam di Malaysia. Penulis juga telah menghuraikan program-program yang telah dijalankan oleh PAS dan ABIM dalam misi dakwahnya, cara bagaimana prinsip-prinsip dakwah dapat diketengahkan dalam masyarakat. Oleh kerana kajian yang melibatkan dua organisasi dakwah, penulis telah membahagikan tajuk-tajuk kajian secara berasingan antara PAS dan ABIM. Perbincangan juga berkisar kepada pelaksanaan pendekatan dakwah dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Penulis juga membicarakan soal kepimpinan ulama dalam PAS dan proses perubahan organisasinya. Selain daripada itu, penulis telah menghuraikan tentang perkembangan Islam melalui aspek perlembagaan PAS dan ABIM. Kajian yang teliti telah dijalankan dalam bentuk perbandingan yang menyeluruh tentang peranan dakwah yang dijalankan oleh PAS dan ABIM.

⁴³ Badlihisam Mohd Nasir, *Islamic Movements In Malaysia: A Study of Da’wah In PAS and ABIM.* Tesis Ph.D., University of Birmingham. June 1998.

Sebuah kajian ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Muda, oleh Ahmad Shahrir bin Makhtar,⁴⁴ bertajuk, *Methodologi Dakwah Islamiah Di Antara Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Kajian ini melihat tentang cara methodologi yang telah dilakukan oleh JIM dan ABIM dalam masyarakat. Penulis telah membuat pembahagian yang jelas antara JIM dan ABIM. Penjelasan secara ringkas telah diberi tentang sejarah penubuhan dan program-program JIM dan ABIM yang telah dijalankan. Kajian ini tidak membahaskan dari aspek pemikiran perjuangan JIM dan ABIM kerana ia ditulis secara umum tanpa perbahasan yang menyeluruh.

Latihan Ilmiah Peringkat Ijazah Sarjana Muda, Mohamad Taha Bin Haji Abu Bakar,⁴⁵ *Badan-Badan dakwah dan Perubahan Sosial Masyarakat Melayu-Peranan ABIM*, Universiti Kebangsaan Malaysia, juga menulis tentang perkembangan dakwah ABIM. Dalam bab II, penulis telah menghuraikan tentang persamaan dan perbezaan antara beberapa gerakan Islam yang lain seperti Tabliq, Al-Arqam dan ABIM. Dibincangkan juga tentang program-program yang telah dijalankan oleh ABIM. Dinyatakan juga tentang peranan ABIM sebagai golongan pendesak.

Berdasarkan kajian-kajian lepas ini maka bolehlah dirumuskan bahawa pengkajian tentang ABIM masih belum menyeluruh. Perkembangan ABIM dalam aspek kepimpinan, perjuangan dan pemikiran ABIM perlu digarap semula. Mereka hanya membuat perbandingan antara ABIM dengan organisasi lain seperti ABIM dengan

⁴⁴ Ahmad Shahrir bin Makhtar. *Methodologi Dakwah Islamiah Di Antara Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM)*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.1994.

⁴⁵ Mohamad Taha Bin Haji Abu Bakar. *Badan-Badan Dakwah dan Perubahan Sosial Masyarakat Melayu-Peranan ABIM*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 1991/1992.